



**BENCANA MUSIM MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2025/2026 : SEKILAS DATA**



\* Data sehingga 30 November 2025 jam 11.59 malam & data kematian adalah kumulatif sejak 13 November 2025

PPS: Pusat Pemindahan Sementara

**PERLIS**

Daerah	: 1
PPS Aktif	: 12
Keluarga	: 842
Mangsa	: 2,743

**KEDAH**

Daerah	: 1
PPS Aktif	: 2
Keluarga	: 83
Mangsa	: 264

**KELANTAN**

Daerah	: 2
PPS Aktif	: 5
Keluarga	: 327
Mangsa	: 960

**TERENGGANU**

Daerah	: 6
PPS Aktif	: 24
Keluarga	: 521
Mangsa	: 1,731

**PAHANG**

Daerah	: 7
PPS Aktif	: 20
Keluarga	: 209
Mangsa	: 604

**PERAK**


Daerah	: 5
PPS Aktif	: 30
Keluarga	: 1,486
Mangsa	: 4,840

**SELANGOR**

Daerah	: 4
PPS Aktif	: 29
Keluarga	: 760
Mangsa	: 2,727


**N. SEMBILAN**

Daerah	: 1
PPS Aktif	: 2
Keluarga	: 49
Mangsa	: 89






**PERINCIAN MENGIKUT NEGERI**

JENIS BENCANA	NEGERI	DAERAH	JUMLAH PPS	KELUARGA	MANGSA	TREND
Banjir 	Perak	Hilir Perak	11	564	1,878	Tidak Berubah
		Bagan Datuk	4	357	1,053	Tidak Berubah
		Manjung	8	334	1,038	Tidak Berubah
		Perak Tengah	6	222	844	Tidak Berubah
		Larut, Matang dan Selama	1	9	27	Tidak Berubah
		<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>	<b>1,486</b>	<b>4,840</b>	<b>Tidak Berubah</b>
	Perlis	Perlis	12	842	2,743	Menurun
		<b>JUMLAH</b>	<b>12</b>	<b>842</b>	<b>2,743</b>	<b>Menurun</b>
	Selangor	Kuala Selangor	17	590	2,197	Meningkat
		Sepang	5	107	341	Menurun
		Kuala Langat	5	37	118	Menurun
		Sabak Bernam	2	26	71	Menurun
		<b>JUMLAH</b>	<b>29</b>	<b>760</b>	<b>2,727</b>	<b>Meningkat</b>
	Terengganu	Marang	7	189	700	Menurun
		Kuala Terengganu	5	178	425	Menurun
		Kuala Nerus	5	99	336	Menurun
		Dungun	4	35	171	Tidak Berubah
		Setiu	2	10	58	Menurun
		Kemaman	1	10	41	Menurun
		<b>JUMLAH</b>	<b>24</b>	<b>521</b>	<b>1,731</b>	<b>Menurun</b>
	Kelantan	Pasir Mas	4	310	908	Menurun
		<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>310</b>	<b>908</b>	<b>Menurun</b>
	Pahang	Temerloh	4	78	224	Meningkat
		Lipis	8	89	204	Menurun
		Bera	3	20	75	Baharu
		Jerantut	2	14	58	Menurun
		Maran	1	2	9	Baharu
		Kuantan	1	1	7	Menurun
		<b>JUMLAH</b>	<b>19</b>	<b>204</b>	<b>577</b>	<b>Menurun</b>
	Kedah	Kubang Pasu	2	83	264	Menurun
		<b>JUMLAH</b>	<b>2</b>	<b>83</b>	<b>264</b>	<b>Menurun</b>
	Negeri Sembilan	Port Dickson	2	49	89	Tidak Berubah
<b>JUMLAH</b>		<b>2</b>	<b>49</b>	<b>89</b>	<b>Tidak Berubah</b>	
<b>JUMLAH BANJIR</b>			<b>122</b>	<b>4,255</b>	<b>13,879</b>	<b>-</b>

\* Trend: Perbandingan dengan data 30 November 2025 jam 8.00 malam



## PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

JENIS BENCANA	NEGERI	DAERAH	JUMLAH PPS	KELUARGA	MANGSA	TREND
Tanah Runtuh 	Kelantan	Gua Musang	1	17	52	Tidak Berubah
		JUMLAH	1	17	52	Tidak Berubah
	Pahang	Cameron Highlands	1	5	27	Meningkat
		JUMLAH	1	5	27	Meningkat
	JUMLAH TANAH RUNTUH			2	22	79
JUMLAH KESELURUHAN			124	4,277	13,958	Menurun

\* Trend: Perbandingan dengan data 30 November 2025 jam 8.00 malam



## SITUASI TERKINI

- Sehingga **30 November 2025, jam 11.59 malam**, terdapat **27 daerah** di **lapan negeri** yang dilanda bencana dengan **pengurangan** jumlah mangsa kepada **13,958 dalam tempoh 24 jam** (berbanding **27,477 mangsa** pada **29 November 2025, jam 11.59 malam**). Ia melibatkan **4,277 keluarga** yang ditempatkan di **124 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka **menurun** berbanding **237 PPS** pada **29 November 2025, jam 11.59 malam**.
- **Negeri Perlis (2,743 mangsa)** dan dua daerah paling teruk terjejas iaitu **Kuala Selangor, Selangor (2,197 mangsa)** dan **Hilir Perak, Perak (1,878 mangsa)**.
- Berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), **tiga kematian** telah direkodkan setakat ini yang melibatkan kematian akibat kejadian banjir iaitu **satu di Gua Musang, Kelantan pada 21 November 2025, satu di Tanah Merah, Kelantan pada 26 November 2025 dan satu di Sepang, Selangor pada 30 November 2025**.



## MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- **Tiga (3) stesen meteorologi** yang mencatatkan **jumlah hujan harian tertinggi** pada **30 November 2025** adalah **Kuching, Sarawak (32.9 mm)**, **Kemaman, Terengganu (29.9 mm)** dan **Tawau, Sabah (22.1 mm)**.
- Secara amnya, rantau negara dijangka menerima tiupan angin baratan sepanjang minggu ini berikutan pengaruh pergerakan Ribut Tropika Koto. Ribut Tropika Koto yang hampir pegun di Laut China Selatan dijangka bergerak ke arah barat - barat daya dan dijangka akan diturun taraf ke lekukan tropika dalam tempoh 48 jam. Sistem ini dijangka membadai Vietnam pada 2 Disember 2025.
- Pada masa yang sama, Lekukan Tropika 34W yang kini berada di timur Terengganu dijangka bergerak ke arah timur dengan kelajuan 10 km/jam dan dijangka semakin menjauhi rantau negara. Keadaan cuaca dan laut di Semenanjung Malaysia dijangka bertambah baik pada awal minggu ini.
- Walau bagaimanapun, pembentukan garis badai yang membawa ribut petir atau hujan lebat berserta angin kencang berpotensi berlaku di barat Semenanjung Malaysia, barat Sabah dan utara Sarawak pada awal pagi.

**Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)**

- Pada **30 November 2025, tiada Amaran Banjir** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

**Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)**



## IMPAK

- **Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)** melaporkan bahawa kebanyakan daerah yang terjejas banjir di Perak, Perlis, Terengganu, Selangor, Pahang, Kelantan, Kedah dan Negeri Sembilan tidak merekodkan kawasan berisiko tanah runtuh di lokasi *hotspot* atau cerun kritikal. Namun beberapa kawasan berisiko yang dikenal pasti termasuk Marang dan Dungun di Terengganu, Pinggiran Putra di Sepang, Selangor, Kuala Lipis dan Temerloh di Pahang. Kawasan lain di Perak, Perlis, Kelantan, Kedah dan Negeri Sembilan tidak merekodkan sebarang kawasan berisiko.
- Bagi kejadian tanah runtuh, **tiada insiden baharu dilaporkan di seluruh negara** pada 30 November 2025. Tindakan pemantauan oleh JMG Negeri terus dijalankan bagi memantau situasi tanah runtuh secara berterusan di seluruh negara.
- Jumlah kumulatif tanah runtuh yang berlaku di seluruh negara sejak bermula MTL adalah sebanyak **13 kejadian** iaitu
  1. Taman United, Jalan Sepadu 7, Seputeh, W.P. Kuala Lumpur
  2. Kampung Orang Asli Bukit Lagong, Selayang, Selangor
  3. Lorong Setia 3, Kampung Setia, Selayang, Selangor
  4. Jalan Banglo, Batu Arang, Selayang, Selangor
  5. Blok D, Flat Sri Lempah, Seputeh, W.P. Kuala Lumpur
  6. Taman Aster, Cameron Highlands, Pahang
  7. KOA Sg Tiang, Cameron Highlands, Pahang
  8. Taman Bukit Berlian, Seremban, Negeri Sembilan
  9. Cameron Towers, No 5, Jln 5/58B, Bukit Gasing, Petaling, Selangor
  10. Kg. Sinulihan, Kota Kinabalu, Sabah
  11. Kampung Bukit Kapar, Klang, Selangor
  12. Perumahan Puncak Arabella, Cameron Highlands, Pahang
  13. Lot 30 & 31, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Batu Arang, Gombak, Selangor
- Pelaporan JMG tidak merangkumi laluan jalan negeri, persekutuan dan lebuhraya.

**Sumber : Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)**



- **Jabatan Kerja Raya (JKR)** telah merekodkan **128 lokasi kejadian bencana** yang menjejaskan infrastruktur jalan raya sehingga 30 November 2025, jam 10.00 malam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 54 lokasi melibatkan Jalan Persekutuan manakala 74 lokasi menjejaskan Jalan Negeri. Kejadian ini berlaku di sepuluh (10) negeri dengan Perlis merekodkan insiden tertinggi (55 lokasi), diikuti oleh Selangor (18 lokasi), Pahang (14 lokasi), Perak (11 lokasi), Kelantan (8 lokasi), Terengganu (8 lokasi), Kedah (6 lokasi), Pulau Pinang (6 lokasi), Melaka (1 lokasi) dan Johor (1 lokasi).
- Jenis kejadian bencana yang paling dominan ialah banjir (67 lokasi) dan banjir kilat (30 lokasi). Selain itu, turut direkodkan cerun runtuh (15 lokasi), jalan runtuh (9 lokasi), jalan mendap (6 lokasi) dan satu (1) lokasi jambatan rosak atau runtuh. JKR sedang menjalankan pemantauan rapi dan tindakan pemulihan segera bagi memastikan keselamatan serta kebolehcapaian jalan raya dapat dipulihkan secepat mungkin.

**Sumber : Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)**

- **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** melaporkan sebanyak **51 institusi pendidikan masih terjejas akibat banjir** di beberapa negeri. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Perak (21 sekolah rendah, 2 sekolah menengah), Terengganu (8 sekolah rendah, 4 sekolah menengah), Kelantan (4 sekolah rendah, 2 sekolah menengah), Pahang (3 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Selangor (1 sekolah rendah), Kedah (2 sekolah rendah), Perlis (1 sekolah menengah), Sabah (1 sekolah rendah) dan Sarawak (1 sekolah rendah).
- Sebanyak 91 PPS premis sekolah masih dibuka bagi menempatkan mangsa banjir. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Terengganu (28 sekolah rendah), Perlis (11 sekolah rendah), Selangor (11 sekolah rendah), Pahang (9 sekolah rendah, 2 sekolah menengah), Perak (17 sekolah rendah), Kelantan (4 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Kedah (7 sekolah rendah) dan Negeri Sembilan (1 sekolah menengah).
- Secara keseluruhan, seramai 1,818 murid masih berada di PPS premis sekolah. Pecahan mengikut negeri secara menurun adalah seperti berikut: Terengganu (656 murid), Perlis (438 murid), Perak (231 murid), Selangor (275 murid), Kedah (77 murid), Pahang (66 murid), Kelantan (69 murid) dan Negeri Sembilan (7 murid).

**Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

- **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** melaporkan bahawa sehingga 30 November 2025, jam 4.00 petang, sebanyak **20 fasiliti kesihatan masih terjejas** banjir daripada kumulatif 73 fasiliti yang terlibat. Fasiliti yang terjejas meliputi Perlis (6), Perak (5), Pahang (5), Terengganu (2) dan Selangor (2). Mengikut kategori, terdapat 10 Klinik Desa (KD), tujuh (7) Klinik Pergigian (KP) dan tiga (3) Klinik Kesihatan (KK) yang terkesan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 17 fasiliti kesihatan telah berpindah operasi ke fasiliti berhampiran, manakala tiga (3) fasiliti tidak beroperasi.
- Sebanyak 606 Pasukan Perubatan Kecemasan (EMT) telah digerakkan, merangkumi 277 *Rapid Response Team* (RRT) Kesihatan, 244 RRT Perubatan dan 85 Pasukan *Mental Health and Psychosocial Support* (MHPSS) bagi menyediakan rawatan perubatan, pemantauan kesihatan dan pencegahan penyakit di PPS. Tiada wabak penyakit dilaporkan setakat ini.

**Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**

- **Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)** melaporkan sebanyak **42 infrastruktur komunikasi terkesan akibat banjir** di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 14 masih tidak beroperasi, melibatkan lima (5) stesen pemancar di Perlis, empat (4) stesen pemancar di Perak, tiga (3) stesen pemancar di Selangor dan dua (2) stesen pemancar di Terengganu.
- Sejak bermulanya MTL sehingga kini, sebanyak **18 PPS telah dipasang dengan Inisiatif WiFi Percuma** oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi bagi memastikan kelangsungan komunikasi di PPS iaitu;
  1. CelcomDigi – PPS SK Chicha Menyabong, Kota Bharu, Kelantan
  2. CelcomDigi – PPS SK Islah, Kota Bharu, Kelantan
  3. CelcomDigi – PPS SK Seribong, Kota Bharu, Kelantan
  4. CelcomDigi – PPS SK Seri Chempaka, Kota Bharu, Kelantan
  5. CelcomDigi – PPS SK Tapang, Kota Bharu, Kelantan
  6. Maxis – PPS Kubang Batang, Tumpat, Kelantan
  7. TM – PPS Bukit Payong, Marang, Terengganu
  8. TM – PPS Bukit Sawa, Marang, Terengganu
  9. TM – PPS SK Atas Tol, Kuala Terengganu, Terengganu
  10. TM – PPS SK Batu Bertangkup, Kangar, Perlis
  11. TM – PPS SK Kemasek, Kemaman, Terengganu
  12. TM – PPS SK Pa’Pura, Bachok, Kelantan
  13. TM – PPS SK Parit Mahang, Jeram, Selangor
  14. TM – PPS SK Pengkalan Chengal, Bachok, Kelantan
  15. TM – PPS SK Simpang Rawai, Marang, Terengganu



16. U Mobile – PPS SK Kok Keli, Tumpat, Kelantan
17. U Mobile – PPS SK Pa’Pura, Bachok, Kelantan
18. YTL – PPS SK Pauh Sembilan, Bachok, Kelantan

- SKMM bersama penyedia perkhidmatan telekomunikasi akan terus memantau tahap liputan melalui JPBD/JPBN bagi memastikan sebarang gangguan perkhidmatan atau kesesakan talian di PPS dapat ditangani dengan segera.

**Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**

- **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** melaporkan beberapa kawasan di Perlis, Perak dan Selangor mengalami pemutusan bekalan elektrik sebagai langkah keselamatan akibat banjir. Di Perlis, kawasan terjejas di Padang Besar ialah Kg Tasoh. Di Perak, kawasan terlibat di Manjung meliputi Kilang Perabot, Ladang Golden Hope Batu 4, Kilang Sawit Sime Darby Batu 6, Kg Gloucester Batu 6, Felcra Sungkai Mati, Sekolah Menengah Batu 4 dan Sekolah Menengah Vokasional Dalam. Di Selangor, kawasan terjejas di Kuala Selangor ialah Jalan Rizab Masjid, manakala di Sepang melibatkan Jalan Dataran Abadi 3/1 dan Indah Puteri.
- Tiada PPS dilaporkan terjejas bekalan elektrik. TNB telah mengambil tindakan dengan memasang genset di kawasan yang selamat bagi memastikan kesinambungan bekalan tenaga kepada premis penting serta operasi respons banjir.

**Sumber : Tenaga Nasional Berhad (TNB)**

### LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- Sebagai sebahagian daripada kesiapsiagaan kerajaan dalam menghadapi bencana, **Skuad Ihsan MADANI** telah ditubuhkan di pelbagai kementerian dan agensi untuk memastikan tindak balas pasca bencana dijalankan dengan cepat dan berkesan. Terdiri daripada penjawat awam dari pelbagai kementerian dan agensi, skuad ini membantu mangsa melalui pengagihan bantuan, pembersihan kawasan terjejas, dan pemulihan infrastruktur asas, sekaligus mempercepat proses pemulihan komuniti.

- Selain itu, Skuad Ihsan MADANI ini turut menyelaraskan kerjasama dengan komuniti setempat, termasuk memberi sokongan psikososial kepada mangsa. Inisiatif ini menonjolkan nilai ihsan dan empati, serta memperlihatkan kesiapsiagaan kerajaan dalam menghadapi bencana secara terancang dan bersepadu.
- **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** telah menyediakan bantuan makanan kepada mangsa banjir di PPS mengikut keperluan setempat. Di Kelantan, makanan disediakan melalui gotong-royong manakala di negeri-negeri lain, makanan diagihkan dalam bentuk *pack food*. selain itu, pelbagai bantuan lain turut diberikan termasuk keperluan asas, keperluan tambahan, kit bencana, kit kebersihan diri, barang keperluan tambahan serta *retort* pemulaan bagi memastikan mangsa menerima bantuan dalam tempoh 24 jam pertama.
- Bagi memastikan kelancaran pengurusan bekalan, stok makanan ditempatkan di Depoh Barang Keperluan Bencana, stor negeri dan daerah, mini kontena serta pangkalan hadapan khususnya di kawasan yang terputus hubungan. Selain itu, JKJ turut menambah stok di stor daerah sebagai langkah menambah baik keperluan di PPS. Usaha ini dilaksanakan bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan mangsa sentiasa terjamin sepanjang tempoh penempatan di PPS.
- **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)** telah mengoperasikan **Pam Kecemasan Mudah Alih** ke kawasan banjir untuk membantu mengurangkan air dan mempercepatkan proses surut air. Tindakan ini adalah sebahagian daripada langkah-langkah yang diambil untuk mengendalikan banjir di daerah yang terjejas.
- Sebanyak satu (1) unit Pam Kecemasan Mudah Alih telah dipasang pada 30 November 2025 di negeri terjejas banjir. Pada masa yang sama, sebanyak 272 unit pam sedang beroperasi manakala 146 unit lagi berada dalam keadaan siap siaga keadaan siap siaga di negeri-negeri yang terjejas banjir untuk digerakkan mengikut keperluan semasa.
- **Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas** yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 1**.
- **Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)** Pusat meneruskan mesyuarat berkala bagi menyelaraskan serta memantau situasi di negeri-negeri yang terlibat secara langsung.



- **Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)** yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>.

#### **MAKLUMAT PERGERAKAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)**

- Sejak bermulanya Monsun Timur Laut (MTL) pada 13 November 2025, sebanyak **310 pelaporan** pergerakan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Rakan NADMA telah direkodkan di **9 negeri**.
- NGO terbabit melaksanakan pelbagai bentuk bantuan termasuk **pengagihan makanan dan minuman, kit kebersihan, khidmat pembersihan, khidmat kaunseling, keperluan tidur, bantuan mencari dan menyelamatkan, sokongan logistik, pasukan perubatan, pengurusan komunikasi** serta lain-lain bentuk bantuan kemanusiaan bagi membantu mangsa banjir di negeri-negeri terjejas.
- Secara keseluruhan, **2,350 sukarelawan** daripada **29 pertubuhan** telah melaksanakan pengoperasian dan pengagihan bantuan tersebut.



## JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
1.	PERAK	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	22	4x4/SUV/VAN: 2, AMBULANS/EMRS: 6, BOT: 7, LORI/FRT/LFRT: 4, LAIN-LAIN: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	23	4x4/SUV/VAN: 6
		PASUKAN Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART)	10	4x4/SUV/VAN: 2, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	158	4x4/SUV/VAN: 13, BOT: 8, LORI/FRT/LFRT: 4
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	30	4x4/SUV/VAN: 9, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 11, LORI/FRT/LFRT: 8, LAIN-LAIN: 1
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	124	-
2.	PERLIS	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	80	4x4/SUV/VAN: 7, LORI/FRT/LFRT: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	17	4x4/SUV/VAN: 4
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	705	4x4/SUV/VAN: 33, BOT: 5, LORI/FRT/LFRT: 12, LAIN-LAIN: 3
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	62	-
3.	SELANGOR	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	196	4x4/SUV/VAN: 2, BOT:4, LORI/FRT/LFRT: 3
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	27	4x4/SUV/VAN: 5
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	408	4x4/SUV/VAN: 9, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 8, LORI/FRT/LFRT: 5
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	38	LORI/FRT/LFRT: 6
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	166	-
4.	TERENGGANU	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	213	4x4/SUV/VAN: 11, BOT: 12, LORI/FRT/LFRT: 11, LAIN-LAIN: 1
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	183	4x4/SUV/VAN: 7, BOT: 7, LORI/FRT/LFRT: 12
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	211	4x4/SUV/VAN: 28, BOT: 13, LORI/FRT/LFRT:9, MOTOKAR: 4
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	24	4x4/SUV/VAN: 4, LORI/FRT/LFRT: 2
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	143	-



# LAPORAN SITUASI SEMASA MTL 2025/2026 #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

1 DISEMBER 2025

9

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
5.	KELANTAN	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	216	4x4/SUV/VAN: 21, BOT: 17
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	114	4x4/SUV/VAN: 6 BOT: 5, LORI/FRT/LFRT: 6
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	72	4x4/SUV/VAN: 9, BOT: 9, LORI/FRT/LFRT: 2, MOTOKAR: 5, LAIN-LAIN: 9
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	12	4x4/SUV/VAN: 2, LORI/FRT/LFRT: 2
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	16	-
6.	PAHANG	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	66	4x4/SUV/VAN: 9, BOT: 1, LAIN-LAIN: 1
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	72	4x4/SUV/VAN: 4, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 2
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	698	4x4/SUV/VAN: 57, BOT: 60, MOTOKAR: 7
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	161	4x4/SUV/VAN: 15, AMBULANS/EMRS: 3, LORI/FRT/LFRT: 19
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	38	-
7.	KEDAH	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	61	4x4/SUV/VAN: 3, LORI/FRT/LFRT: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	17	4x4/SUV/VAN: 2
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	40	4x4/SUV/VAN: 10, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 3, MOTOKAR: 5
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	32	-
8.	NEGERI SEMBILAN	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	11	4x4/SUV/VAN: 1, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 1, MOTOSIKAL:1
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	15	4x4/SUV/VAN: 3
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	4	4x4/SUV/VAN: 2, MOTOKAR: 2
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	29	AMBULANS/EMRS: 1, LORI/FRT/LFRT: 5
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	8	-
			<b>4, 522</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 4X4/SUV/VAN: 286</li> <li>• AMBULANS/EMRS: 11</li> <li>• BOT: 137</li> <li>• LORI/ FRT/LFRT: 121</li> <li>• MOTOKAR: 23</li> <li>• MOTOSIKAL: 1</li> <li>• LAIN-LAIN: 17</li> </ul>

\* Data sehingga 30 November 2025 jam 11.59 malam. Untuk daerah-daerah yang terlibat dengan banjir sahaja.